

# **MODUL PINTAS**

# **TINGKATAN LIMA**

**1 JAM**

**1249/1**

**SEJARAH**

Kertas 1

## **ARAHAN :**

1. **Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.**
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
3. Jawab semua soalan.
4. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

NAMA : .....

TINGKATAN : .....

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

**1249/1**

[ Lihat halaman sebelah

- 1 Apakah kepentingan kedaulatan kepada pemerintah Kesultanan Melayu Melaka?
- A Pembesar menggubal undang-undang  
B Pentadbiran pusat berjalan lancar  
C Sistem percuaiyan yang mantap  
D Sultan dapat mengawal rakyat
- 2 Mengapa rakyat Kesultanan Melayu Melaka tidak menderhaka kepada pemerintah?
- A Takut ditimpa tulah  
B Hilang taraf rakyat raja  
C Bimbang dibuang negeri  
D Dikenakan hukuman sebat
- 3 Perkembangan nasionalisme di India bermula dengan gerakan Dahagi India 1857. Apakah tumpuan gerakan ini?
- A Menuntut kemerdekaan negara  
B Mengukuhkan peradaban bangsa  
C Memperjuangkan isu sosioagama  
D Mengelakkan pemerintahan beraja
- 4 Berikut merupakan institusi pendidikan yang wujud pada awal abad ke-20.

- Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK)
- Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC)

Bagaimanakah institusi ini menyemarakkan nasionalisme?

- A Menerima jemputan ulama  
B Melahirkan golongan pemimpin  
C Mengembangkan sahaman demokrasi  
D Memperkenalkan pendidikan madrasah

- 5 Perang Dunia Kedua tercusus pada tahun 1939.  
Apakah faktor yang menyebabkan perang tersebut?

- I Kemunculan ideologi baharu
  - II Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa
  - III Pembunuhan Archduke Ferdinand
  - IV Perlumbaan senjata moden
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 6 Apakah faktor kedatangan Jepun ke negara kita pada tahun 1941?

- A Tekanan golongan radikal
- B Kemunculan ideologi baharu
- C Kepentingan strategik ketenteraan
- D Tanggungjawab menyebarkan tamadun

- 7 Pantun berikut menggambarkan kesan pembentukan Malayan Union di Tanah Melayu.

Dari Bentan ke Kuala Sedili,  
Singgah berjaya di Batu Pahat,  
Syarat kerakyatan secara *jus soli*,  
Kuasa raja turut tergugat.

Bagaimanakah orang Melayu menangani isu di atas?

- A Memohon bantuan luar
  - B Mengukuhkan pertahanan negeri
  - C Menggubal perlembagaan alternatif
  - D Mengadakan perhimpunan besar-besaran
- 8 Pada 1 Julai 1946, Hari Penyerahan Sarawak telah diisytiharkan di Kuching.  
Apakah kesan daripada pengisytiharan tersebut terhadap negeri Sarawak?
- A Disahkan sebagai tanah jajahan British
  - B Gerakan antipenyerahan berakhir
  - C Pilihan raya negeri diadakan
  - D Majlis Negeri dibubarkan

9 Penyataan berikut terkandung dalam Piagam Atlantik.

.... menghormati hak setiap manusia untuk memilih bentuk kerajaan mereka sendiri dan mahukan hak kedaulatan dan kerajaan sendiri dikembalikan kepada mereka.....

Sumber: [www.britanica.com](http://www.britanica.com)


Bagaimakah British bertindak untuk mematuhi piagam tersebut di tanah air kita?

- A Melonggarkan syarat kerakyatan
- B Melaksanakan sistem pengagihan kuasa
- C Mengurangkan bidang kuasa Raja Melayu
- D Membentuk Persekutuan Tanah Melayu 1948

10 Mengapakah orang Melayu menerima Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Pengagihan kuasa ditamatkan
- B Syarat kerakyatan longgar
- C Raja berkuasa mutlak
- D Hak istimewa terjamin

11 Gambar menunjukkan keganasan komunis di Tanah Melayu.



Mengapakah komunis bertindak demikian?

- A Melambatkan proses kemerdekaan
- B Melumpuhkan aktiviti ekonomi
- C Menakutkan pemimpin tempatan
- D Memecahbelahkan perpaduan kaum

12 Dialog berikut mungkin berlaku dalam kalangan pegawai British di Tanah Melayu pada zaman darurat.

- |            |   |
|------------|---|
| Pegawai I  | : Kita tidak boleh menamatkan darurat melalui strategi ketenteraan semata-mata. |
| Pegawai II | : Ya betul. Kita juga perlu memperkuuhkan perpaduan penduduk Tanah Melayu.      |

Berdasarkan dialog tersebut, apakah tindakan kerajaan bagi menamatkan zaman darurat?

- A Melancarkan Perang Saraf
- B Menangkap pemimpin radikal
- C Memperbanyak Kampung Baru
- D Memperbesarkan pasukan keselamatan

13 Sistem Ahli diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1951.

Bagaimanakah sistem tersebut dapat mengukuhkan perpaduan?

- A Gerakan membentuk kerajaan demokrasi
- B Gabungan pemimpin pelbagai kaum
- C Penyusunan semula masyarakat
- D Penggunaan bahasa kebangsaan

14 Apakah teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan yang dikemukakan oleh Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956?

- A Guru terlatih di semua sekolah
- B Sistem peperiksaan yang sama
- C Pendidikan percuma untuk semua
- D Kandungan kurikulum yang seragam

15 Encik Ahmad berminat untuk bertanding dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Apakah syarat yang perlu beliau patuhi?

- A Berdaftar sebagai ahli sesebuah parti
- B Berumur tidak lebih daripada 21 tahun
- C Berpengetahuan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris
- D Bermastautin di Tanah Melayu dalam tempoh 6 bulan

- 16 Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) berperanan menggubal undang-undang pentadbiran pada peringkat Persekutuan Tanah Melayu.

Bagaimanakah MPP memberi kesan kepada negara?

- A Perkongsian kuasa dilaksanakan
- B Pengekalan taraf negeri naungan
- C Pengiktirafan bahasa kebangsaan
- D Pemerintahan diketuai oleh sultan

- 17 Apakah sumbangan tokoh berikut kepada negara kita?

- Lord Reid
- Sir William Ivor Jennings
- Sir William Mckell

- A Melantik pemerintah negara
- B Merangka perlembagaan merdeka
- C Menghapuskan pengaruh komunis
- D Menyeragamkan sistem pendidikan

- 18 Apakah tuntutan Malayan Chinese Association (MCA) melalui memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?

- A Hak imigran dipertahankan
- B Bahasa ibunda dimartabatkan
- C Sekolah vernakular diteruskan
- D Kewarganegaraan menerusi kelahiran

- 19 Jawatankuasa persediaan sambutan telah dibentuk untuk menguruskan sambutan kemerdekaan negara.

Bagaimanakah jawatankuasa ini menjayakan sambutan tersebut?

- A Memilih bunga kebangsaan
- B Membaik pulih Istana Negara
- C Menaik taraf Stadium Merdeka
- D Menganjurkan kursus protokol

20 Berikut merupakan penyertaan Persekutuan Tanah Melayu dalam Komanwel.

**Sistem Keutamaan Tarif Komanwel**

Apakah sumbangan negara kepada anggota lain melalui penyertaan tersebut?

- A Mengurangkan kadar cukai
- B Mengelakkan sekatan perdagangan
- C Memperkuuh kedudukan ekonomi
- D Memperoleh bahan mentah berterusan

21 Apakah jenis-jenis kedaulatan yang diamalkan oleh sesebuah negara?

- I Kedaulatan moden
  - II Kedaulatan antarabangsa
  - III Kedaulatan pemerintah
  - IV Kedaulatan rakyat
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

22 Maklumat berikut menerangkan ciri negara yang berdaulat.

- Mempunyai pemerintahan
- Mempunyai sempadan
- Mempunyai perundangan
- Mempunyai rakyat

Mengapakah ciri tersebut penting terhadap negara kita?

- A Mempunyai identiti sendiri
- B Mengukuhkan kuasa politik
- C Memperkuat pasukan tentera
- D Melindungi tradisi rakyat

- 23 Apakah tujuan British memperkenalkan Charter of Justice di Negeri-negeri Selat?
- A Mengukuhkan kedudukan politik
  - B Memupuk perpaduan rakyat
  - C Melindungi penduduk asal
  - D Menghapuskan kuasa raja
- 24 Malaysia telah mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen sejak mencapai kemerdekaan. Penyataan yang manakah berkaitan dengan sistem tersebut?
- A Sultan mengetuai pentadbiran
  - B Rakyat terlibat dalam pemerintahan
  - C Badan Kehakiman merangka dasar negara
  - D Parlimen berkuasa membatalkan undang-undang
- 25 Persidangan Durbar pertama telah diadakan di Kuala Kangsar, Perak pada tahun 1897. Mengapa persidangan tersebut diadakan?
- A Memastikan kemajuan ekonomi negara
  - B Membincangkan hal ehwal pentadbiran
  - C Memajukan perkhidmatan awam
  - D Meluluskan dasar kerajaan
- 26 Jawatan Yang di-Pertuan Agong diperkenalkan selepas negara mencapai kemerdekaan. Apakah kuasa eksekutif baginda?
- A Melantik diplomat ke luar negara
  - B Mengetuai perkhidmatan awam
  - C Mengawal perbelanjaan negara
  - D Mengubah sempadan negeri
- 27 Kuasa pemerintahan kerajaan negeri termaktub dalam perlombagaan sebagai Senarai Negeri. Perkara yang manakah terletak dalam senarai tersebut?
- A Pertahanan
  - B Kesihatan
  - C Pelajaran
  - D Tanah

- 28 Maklumat berikut berkaitan kerjasama sosioekonomi antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri.

Tahun	Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah	Wilayah Liputan
2007	Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau East Coast Economic Region (ECER)	Pahang, Terengganu, Kelantan, Daerah Mersing, Johor

Bagaimanakah Kerajaan Negeri berperanan dalam mencapai matlamat tersebut?

- A Memberi bantuan kepakaran
  - B Menambah tenaga buruh
  - C Menyediakan tanah
  - D Meningkatkan dana
- 29 Mengapakah referendum diadakan di Singapura pada tahun 1962?
- A Mengukuhkan kesetiaan rakyat terhadap kerajaan
  - B Menyatakan bentuk pilihan menyertai Malaysia
  - C Mengelakkan sistem pentadbiran British
  - D Menilai pengaruh parti berhaluan kiri
- 30 Peristiwa berikut tercatat dalam sejarah negara kita.

Persetujuan Normalisasi 1966

Mengapakah persetujuan tersebut penting terhadap negara?

- A Penyertaan Brunei dalam Malaysia
- B Pembentukan kesatuan Malaysia-Filipina
- C Pemulihan hubungan Malaysia-Indonesia
- D Pembubaran Parti Komunis Malaya

31 Maklumat berikut berkaitan cabaran selepas pembentukan Malaysia.

Sarawak dan Sabah mempunyai kekayaan hasil bumi yang banyak namun, rakyat mengamalkan pertanian sara diri.

Bagaimanakah kerajaan bertindak mengatasi cabaran di atas?

- A Menyediakan kemudahan infrastruktur
- B Mempelbagaikan pertanian komersial
- C Memajukan bidang kemahiran
- D Melatih tenaga kerja mahir

32 Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) diberi kuasa memerintah semasa darurat.

Apakah fokus utama yang perlu diselesaikan oleh MAGERAN?

- A Merangka dasar negara
- B Mewujudkan perpaduan kaum
- C Menguatkan sistem pertahanan
- D Meningkatkan kemajuan ekonomi

33 Senarai berikut berkaitan sistem pendidikan semasa pemerintahan British.

- Sekolah vernakular Melayu
- Sekolah vernakular Cina
- Sekolah vernakular Tamil
- Sekolah vernakular Inggeris

Apakah kesan sistem pendidikan tersebut?

- A Mewujudkan jurang ekonomi
- B Mengancam kedaulatan negara
- C Mengurangkan kadar kemiskinan
- D Mewujudkan perbezaan pemikiran

- 34 Laporan Rahman Talib menjadi asas penggubalan Akta Pelajaran 1961.  
Bagaimanakah laporan ini mampu memupuk perpaduan dan integrasi?
- I Melaksanakan aktiviti kokurikulum  
II Menggunakan kurikulum yang sama  
III Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar  
IV Bahasa Inggeris diajar kepada semua murid
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 35 Rancangan Buku Hijau diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974.  
Apakah matlamat rancangan tersebut?
- A Menambahkan pendapatan rakyat  
B Menyusun semula masyarakat  
C Membuka peluang pekerjaan  
D Mengembangkan pasar tani
- 36 Maklumat berikut berkaitan pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB).
- Pelaksanaan DEB menyebabkan kadar kemiskinan penduduk dapat dikurangkan daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 17.1 peratus pada tahun 1990.
- Bagaimanakah kerajaan berjaya mengurangkan kadar kemiskinan tersebut?
- A Melancarkan proses urbanisasi  
B Menyusun semula masyarakat  
C Membuka peluang pekerjaan  
D Membina penempatan baharu
- 37 Dasar luar merupakan tindakan kerajaan dalam menjalinkan hubungan dengan negara lain.  
Mengapakah dasar luar digubal?
- A Memenuhi desakan negara luar  
B Mendapatkan pengiktirafan tinggi  
C Meningkatkan pengaruh pemimpin  
D Mempertahankan kedaulatan negara

- 38 Five Power Defence Arrangements (FPDA) ialah perjanjian yang melibatkan Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia.

Mengapakah Malaysia menandatangani perjanjian tersebut?

- A Mengatasi masalah pelarian
- B Memperkuuh pertahanan negara
- C Melindungi kepentingan nasional
- D Mengelakkan masalah pencerobohan

- 39 Maklumat berikut berkaitan kerjasama pembangunan segi tiga.

KERJASAMA	
IMT-GT	Indonesia – Malaysia – Thailand Growth Triangle
SIJORI-GT	Singapura – Johor – Riau Growth Triangle
BIMP-EAGA	Brunei – Indonesia – Malaysia – Philippines East ASEAN Growth Area

Apakah manfaat yang diperoleh Malaysia melalui kerjasama tersebut?

- A Mengurangkan monopoli pasaran
- B Mendapat bantuan pertahanan
- C Melindungi pasaran kewangan
- D Menjamin kestabilan politik

- 40 Mengapakah Malaysia terlibat dalam Protokol Kyoto 1997 di Bali?

- A Mengatasi masalah jerebu
- B Mengurangkan masalah kesihatan
- C Menggalakkan penggunaan tenaga solar
- D Meningkatkan penyelidikan kawalan penyakit

### KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT